
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**RPK 558 – Perundangan dan Pentadbiran
Perancangan Bandar**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

...2/-

-2 -

1. (a) Jelaskan hak (bidang kerja) seseorang Perancang Bandar berdaftar mengikut Akta 538: Akta Perancang Bandar 1995.

(b) Bincangkan kod dan etika amalan Perancang Bandar berdaftar.

(25 markah)

2. Bincangkan proses penyediaan Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan) mengikut Akta 172: Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Pindaan 2002 : Akta A1129).

(25 markah)

3. Keputusan perancangan adalah kuasa budibicara (discretionari) pihak berkuasa perancangan tempatan. Apakah yang dimaksudkan discretionari dalam kontek ini dan bagaimanakah pihak berkuasa perancangan tempatan boleh pastikan keputusan yang dibuat boleh dipertahankan di Lembaga Rayuan atau mahkamah?

(25 markah)

4. Secara ringkas, bincangkan perkara-perkara berikut:-

(a) Pihak berkuasa perancangan muktamad.

(b) Hak rayuan perancangan.

(c) Peranan dan pemberatan yang perlu diberi kepada dasar-dasar Rancangan Tempatan untuk menentukan permohonan kebenaran merancang.

(d) Peranan dan fungsi Majlis Perancangan Fizikal Negara.

(e) Kedudukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 berbanding dengan Kanun Tanah Negara 1965.

(25 markah)

5. Adalah jelas bahawa dalam perancangan pembangunan terdapat berbagai undang-undang bertulis yang perlu dipatuhi. Undang-undang ini merangkumi undang-undang di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan. Tujuan utamanya adalah satu, iaitu untuk memastikan pembangunan kelak mendapat kesan positif kepada semua pihak.

Bincangkan kenyataan di atas.

(25 markah)

...3/-

- 3 -

6. Hak mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat bererti hak kepada alam sekitar fizikal yang akan memperbaiki atau meningkatkan mutu kehidupan. Hak ini melibatkan usaha mendapatkan perlindungan daripada masalah persekitaran yang di luar kawalan seorang individu, tetapi boleh dibendung jika individu bertindak secara kolektif. Ia memaparkan keperluan memelihara dan melindungi alam sekitar untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

Bincangkan **Dua (2)** daripada Akta-Akta bagi memelihara dan melindungi alam sekitar, iaitu:-

- (a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
- (b) Akta Racun Makhluk Perosak 1974
- (c) Akta Kilang dan Jentera 1967
- (d) Akta Kerajaan Tempatan 1976
- (e) Akta Pemuliharaan Tanah 1960
- (f) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
- (g) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
- (h) Akta Taman Negara 1980
- (i) Akta Perikanan 1985
- (j) Akta Perlombongan Petroliaam 1966
- (k) Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972
- (l) Akta Perhutanan Negara 1984

(25 markah)

7. Peranan Perancang Bandar dalam sektor hartanah sedang menghadapi cabaran yang hebat bukan sahaja dari kalangan ahli-ahli profesional lain tetapi juga di kalangan Perancang Bandar itu sendiri. Bincangkan cabaran-cabaran berkenaan.

(25 markah)

8. Anda bertugas sebagai Perancang Bandar di sebuah firma swasta dan bertanggungjawab menyediakan pelan pembangunan bagi sebuah projek pelancongan di Pulau Jerejak, Pulau Pinang. Bincangkan apakah peranan dan nasihat anda dari aspek perancangan bandar dan pengurusan projek bagi menjayakan projek berkenaan.

(25 markah)

-ooo O ooo-